

Hubungan China, Malaysia tidak terjejas

■ SITI NURSYAHIDAH
ABU BAKAR

KUALA LUMPUR - Isu tuntutan bertindih Laut China Selatan antara Malaysia dan China tidak akan menjejaskan hubungan kedua-dua negara.

Penulis buku *When China Rules The World*, Dr Martin Jacques berkata, ini kerana hubungan Malaysia dan China sudah lama terjalin dengan baik.

“Malah, Malaysia antara negara pertama di rantau ini yang jalin hubungan diplomatik dengan China. Jadi, sudah tentu China hargai Malaysia sebagai kawan lama.

“Walaupun ada perkara tidak dipersetujui seperti tuntutan di Laut China Selatan,



Jacques (kanan) bersama Presiden Just, Dr Chandra Muzaffar pada sidang media, semalam.

ia tidak beri kesan kepada hubungan kedua-dua negara. Kita tidak pernah dengar pemimpin China mengkritik Malaysia, sebaliknya mereka bercakap perkara yang baik sahaja,” katanya pada sidang media selepas menyampaikan syarahan berjudul *China and*

the World in the 21st Century, semalam.

Siri syarahan itu dianjurkan oleh Pergerakan Keadilan Sedunia (JUST) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDFR).

Sebelum ini, bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir

Mohamad melahirkan ke-bimbangan beberapa perjanjian Malaysia dengan China dikhuatiri akan menjejaskan kedaulatan negara.

Mahathir mendakwa, antara kesan buruk akan dihadapi Malaysia ialah berkaitan tuntutan kepulauan di Laut China Selatan, yang mungkin akan jatuh ke tangan China.

Menurut Jacques, Malaysia memainkan peranan cukup penting bagi memastikan kehadiran China di rantau ini ketika di bawah pemerintahan Mahathir.

“Dalam temu bual saya dengan Dr Mahathir sebelum ini, beliau sendiri menyatakan kepentingan hubungan dengan China,” katanya.